

**DR. MAHATHIR BERUNDING DENGAN WAKIL2  
SYARIKAT MINYAK MINGGU DEPAN**

# Bekalan minyak kurang, kecoh di sana sini

**KUALA LUMPUR, Khamis**—Beratus kenderaan disel, kebanyakannya lori balak di Temerloh dan Mentakab terkedas sejak pagi semalam akibat kehabisan bekalan minyak disel di tujuh dari sembilan stesyen minyak di kedua daerah itu.

Kedua-dua stesyen minyak agak kelam kabut apabila semua kenderaan bertempu di situ untuk mendapatkan bekalan.

Di Pulau Pinang, pendapatan para nelayan di kawasan Balik Pulau dikatakan terjejas akibat bekalan minyak tanah sering terputus.

Seluruh nelayan di situ menggunakan minyak tanah untuk lampu-lampu bot mereka ketika turun ke laut.

Berikutan itu, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di sini akan berunding dengan wakil-wakil lima buah syarikat minyak minggu depan untuk mencari jalan mengatasinya.

Berita Harian difahamkan perjumpaan tersebut, kali pertama

sejak Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengambil alih jawatan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, akan tertumpu kepada soal menambahkan bekalan bahan-bahan itu.

Kementerian itu difahamkan akan bersikap tegas supaya syarikat-syarikat minyak menambahkan pengeluaran minyak tanah dan disel bagi mengatasi kekurangan yang sering berlaku itu.

Di samping perjumpaan penting itu, Persatuan Pengusaha-pengusaha Lori Malaysia diketuai oleh Cik Zainab Yang, juga sedang berusaha menemui Datuk Seri Dr. Mahathir bagi membincangkan masalah disel yang mereka hadapi.

Persatuan itu berharap Datuk Seri Dr. Mahathir selaku Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai petroleum, dapat mengatasi masalah dan kesulitan yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha lori sekurang.

Wakil kita di Temerloh, Shari-fuddin Mohamad melaporkan tu-

juh dari sembilan stesyen minyak di Temerloh dan Mentakab telah kehabisan bekalan disel sejak pagi semalam dan beratus kenderaan, kebanyakannya lori balak, terkedas di situ.

Hingga hari ini, hanya stesyen minyak Esso dan Caltex saja masih mempunyai bekalan dan kenderaan yang terlibat bertempu ke kedua-dua stesyen itu untuk mendapatkan bekalan.

Ketiga-tiga stesyen minyak di Temerloh dilaporkan telah kehabisan bahan itu sama sekali sejak pagi semalam dan pemandu-pemandu lori terpaksa kejar ke Mentakab, 6 batu jauh dari Temerloh untuk mendapatkan bekalan.

Bagaimanapun, stesyen minyak di Mentakab yang masih mempunyai simpanan tidak pula menghadiah jualan.

Menurut tuan-tuan punya stesyen minyak di sini, kehabisan itu mungkin disebabkan pembelian berlobah oleh kenderaan-kenderaan berkenaan akibat khabarkhabar angin kononnya bekalan bahan itu akan diputuskan sedikit masa lagi yang luas tersedia di sini.

Tuan-tuan punya minyak stesyen bagaimanapun menafikan kemungkinan bekalan akan diputuskan dan menisfikatannya sebagai perbuatan 'orang-orang yang tidak bertanggung-jawab'.

Stesyen-stesyen minyak di kedua daerah ini mendapat 65,000 gelen tiap bulan dan jumlah itu adalah mencukupi.

"Kami telahpun melaporkan perkara ini kepada pembekal-pembekal di Kuala Lumpur dan berharap bekalan tambahan akan sampai sehari dua ini," kata mereka.

Tekal-tekal dan bas sekolah di daerah ini bagaimanapun tidak terlibat kerana mereka mempunyai bekalan sendiri.

Di Pulau Pinang, wakil kita melaporkan pendapatan para nelayan di Kuala Jalan Baru dalam kawasan Balik Pulau terjejas kerana bekalan minyak tanah yang tidak mencukupi sejak beberapa hari ini.

Tanpa minyak tanah, nelayan di situ dikatakan tidak dapat turun ke laut kerana mereka menggunakan lampu minyak tanah.

Presiden Persatuan Pengusaha-pengusaha Pulau Pinang, Encik S.M. Mohamad Idris berkata hari ini penduduk-penduduk di kawasan itu telah mengadu mereka kekurangan bekalan bahan itu.

Hasil dari tinjauan persatuannya, didapati keperluan minyak tanah di kawasan itu ialah 176 gelen seminggu dan di masa-masa tidak, mereka menerima bekalan 44 tin, tiap tin empat gelen, minyak seminggu.

Bagaimanapun, kerana bekalan hanya didatangkan seminggu atau dua minggu sekali, penduduk sering menghadapi kesulitan untuk mendapatkan bekalan yang cukup.

Bellu berharap Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan mengambil tindakan supaya bekalan yang cukup diperolehi oleh penduduk di situ.

No: Seri: 1211  
No: Pen: 882/80